

# Bangga diri serah tubuh

Metro 6/5/12 M4

>>Oleh KASDI ALI dan MOHD AZAM SHAH YAACOB  
metahad@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Dulu digelar bohsia, kini dipanggil cikaro. Maksudnya hampir sama, tetapi yang membimbangkan ibu bapa masa kini ialah remaja perempuan ini terbabit dalam kegiatan tidak bermoral seawal usia 11 tahun, terutama di kalangan keluarga bermasalah.

Berikutan dibiarkan bebas tanpa pengawasan ibu bapa, mereka berebut-rebut menjadi ratu cikaro di kalangan lelaki bernafsu buas dan samseng jalanan. Bagi melayakkan mereka menjadi ratu, sekali gus mudah mendapat teman, tiga kriteria perlu dipenuhi iaitu seksi, gedik dan berani.

Demi mengejar gelaran itu, kebanyakan gadis yang sebahagian besarnya berusia belasan tahun, sanggup me-

kukan siasatan serta tinjauan di beberapa lokasi tumpuan samseng jalanan sekitar bandar raya.

Yang membezakan cikaro dengan bohsia ialah, kebanyakan mereka pergi ke lokasi tumpuan samseng jalanan mengadakan perlumbaan haram bersama rakan, sama ada menaiki pengangkutan awam atau menumpang kenderaan.

Berbanding bohsia yang banyak menghabiskan masa bersama 'balak' masing-masing dan berbangga dengan jolokan 'minah rempit' biarpun kadangkala tubuh mereka menjadi hadiah pertaruhan, cikaro lebih gemar bergerak solo.

Namun usaha mendekati mereka sukar kerana selain licik dan tidak duduk lama di sesuatu kawasan, mereka juga 'memilih bulu' serta tidak berminat melayan 'mat kereta'.

Ia terbukti apabila tindakan wartawan menukar tak-

bersiar.

Bagaimanapun, selepas memberitahu identiti dan tujuan sebenar wartawan mendekati mereka, dua daripada cikaro terbabit bersetuju ditemubual dengan syarat nama dan wajah mereka tidak didedahkan kerana takut dikenakan tindakan disiplin oleh pihak sekolah.

Kesimpulan daripada pertemuan itu dan pengalaman wartawan, masalah keruntuhan akhlak dan moral di kalangan remaja perempuan yang masih bersekolah dilihat membimbangkan.

Sebagai contoh, tiga daripada empat cikaro ditemui adalah pelajar sekolah menengah dengan seorang daripada mereka bercinta seawal usia 10 tahun dan hilang kesucian setahun kemudian.

Malah, hidup mereka terus bergelumang dosa kerana selepas bosan berpelesenan dengan samseng jalanan, kebanyakan cikaro, terutama



*"Saya membesar tanpa kasih sayang ibu bapa. Sejak kecil saya hidup bebas. Secara peribadi, memang mahu jalani kehidupan seperti rakan sebaya lain. Namun saya anggap semua ini surat takdir"*

>Nina

## Hilang dara tahun lima

**K**UALA LUMPUR: Rupa dan fizikalnya seperti remaja awal 20-an, tetapi hakikatnya usia gadis montok berkulit gebu ini baru menjangkau 14 tahun dan masih bersekolah.

Lebih mengejutkan, pada usia itu remaja bertudung ini menjadi pelajar sekolah rebutan dan terkenal di beberapa lokasi 'panas' tumpuan samseng jalanan sekitar ibu kota.

Dibesarkan dalam keluarga berantakan dan terbiar tanpa belaian kasih sayang ibu bapa menjadi alasan Nina untuk hidup bebas tanpa ba-

dan bagaimana boleh terjebak?

**NINA (N):** Ketika berusia 11 tahun apabila keluar melepak di sekitar ibu kota pada setiap hujung minggu bersama rakan.

**MA: Apa yang menarik menjadi cikaro?**

**N:** Seronok dapat tarik perhatian 'mat rempit' dan boleh memilih pasangan berbeza setiap minggu.

**MA: Bila hilang kesucian dan dengan siapa?**

**N:** Pada pertengahan tahun lima bersama bekas kekasih yang berusia 10 tahun lebih tua.

Mereka tahu aktiviti kamu lepas tamat waktu persekolahan?

**N:** Hanya rakan rapat tahu dan ada juga rakan sekolah mengikut saya keluar pada waktu malam. Saya jaga tingkah laku di sekolah bagi mengelak diketahui guru kerana takut dikenakan tindakan disiplin.

**MA: Perbuatan kamu menyalahi hukum agama. Tak takut ke?**

**N:** Saya tahu, tapi tak cadang terus hidup macam ini. Saya harap pintu hati saya terbuka satu hari nanti untuk bertaubat.

nyerahkan mahkota diri kepada samseng jalanan yang baru beberapa jam dikenali.

Berdasarkan tinjauan Metro Ahad, majoriti remaja terbabit berebut gelaran itu kerana menganggapnya sesuatu yang membanggakan, selain mengelak malu diteratawa atau dicop penakut oleh rakan cikaro lain.

Bertindak atas aduan orang ramai, terutama warga kota yang risau melihat kemunculan kembali gadis bohsia, Metro Ahad mela-

tik daripada menaiki kereta kepada motosikal bersama jurugambar berjaya menarik perhatian cikaro yang melepak di tempat tumpuan ramai, khasnya samseng jalanan sekitar ibu kota pada waktu tengah malam sehingga lewat pagi.

Menjejutkan apabila baru beberapa minit berkenalan, empat gadis dipercayai baru berusia belasan tahun dan awal 20-an, menerima ajakan wartawan untuk membawa mereka pergi makan dan

yang masih bersekolah, berpindah arah kepada lelaki lebih matang dan bekerjaya kukuh, termasuk warga asing, untuk dijadikan tempat menumpang kasih serta bergantung hidup.

Dibesarkan dalam keluarga berantakan dan terbiar tanpa belaian kasih sayang ibu bapa menjadi alasan mereka untuk hidup bebas tanpa batasan.

>Lagi berita muka 6

tasian agama.

Namun jauh di lubuk hatinya, dia tetap berkongsi impian sama dengan rakan sebaya lain iaitu menjalani hidup bahagia dan tidak mahu terus selama-lamanya hidup bergelumang dosa.

Baginya, apa yang berlaku sudah berlalu. Ikuti temubual wartawan Metro Ahad dengan Nina yang menemui-nya baru-baru ini.

**METRO AHAD (MA):  
Sejak bila bergelar cikaro**

**MA: Perasaan ketika itu?**

N: Memang takut kerana ia kali pertama tetapi selepas dipujuk, saya merelakannya.

**MA: Sejak itu berapa kali melakukan hubungan kelamin dan dengan berapa ramai pasangan?**

N: Dah tidak ingat.

**MA: Bagaimana dengan keluarga?**

N: Saya anak tunggal dan sejak kematian bapa ketika masih kecil, saya berpindah-randah di rumah saudara mara sebelah bapa. Kali terakhir saya bertemu ibu tiga tahun lalu.

**MA: Kenapa tidak tinggal bersama ibu?**

N: Saya tak selesa tinggal dengan ibu sejak dia berkahwin lain kerana mempunyai tiga beradik tiri.

**MA: Kini tinggal dengan siapa?**

N: Buat masa ini saya menumpang di rumah seorang saudara sebelah bapa dan kini dalam proses berpindah ke sebuah rumah kebajikan anak yatim.

**MA: Masih bersekolah?**

N: Saya kini belajar dalam tingkatan dua. Kalau ikutkan memang nak berhenti tapi memikirkan masa depan, saya tetap bersekolah.

**MA: Bagaimana dengan rakan di sekolah dan guru?**

**MA: Kenapa memilih menjalani kehidupan sebegini?**

N: Saya membesar tanpa belaian kasih sayang ibu bapa. Sejak kecil saya hidup bebas tanpa dikongkong sesiapa. Secara peribadi, memang mahu jalani kehidupan seperti rakan sebaya lain. Namun saya anggap semua ini suratan takdir.

**MA: Mahu terus hidup sebegini?**

N: Tentulah tak mahu, tapi pada masa sama tak mahu hidup saya dikongkong. Biar pun hidup bebas, saya tak pernah mengabaikan pelajaran kerana ia jaminan masa depan saya.

**MA: Teman lelaki kamu kini warga asing. Kenapa tak pilih lelaki tempatan dan apa perancangan masa depan kamu dengannya?**

N: Saya banyak pengalaman berpasangan dengan lelaki tempatan. Kebanyakannya hanya menjadikan saya teman tidur mereka, bukan kekasih.

Teman lelaki saya sekarang berbeza kerana dia turut menjadi tempat saya menumpang kasih dan bergantung hidup. Jika sudah jodoh, saya akan berkahwin dengannya, asalkan dia boleh beri kebahagiaan.